

**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL KUASA MINDA SEPARA
SEDAR BERDASARKAN APLIKASI TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU
DALAM PEMBANGUNAN REMAJA**

PARAMESWARY A/P PERIASAMY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku (MKMSS-TKT) dalam Pembangunan Remaja. Reka bentuk kajian adalah kajian deskriptif, iaitu mencari nilai kesahan kandungan dan nilai kebolehpercayaan MKMSS-TKT dalam pembangunan remaja. Seramai lapan panel pakar dalam bidang psikologi, Kaunseling dan Pendidikan telah dipilih untuk menjawab dua soal selidik kesahan kandungan modul oleh Russell dan soal selidik kesesuaian sesi dan aktiviti modul oleh Mohammad Aziz Shah. Seterusnya bagi mencari nilai kebolehpercayaan, seramai 30 responden daripada sebuah sekolah menengah di Daerah Sentul, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai subjek kajian. Dapatan mendapati peratus keseluruhan kesahan kandungan modul berdasarkan Russell adalah tinggi, iaitu 81 peratus, manakala kesahan kesesuaian sesi dan aktiviti berdasarkan Mohammad Aziz Shah ialah 88 peratus. Nilai pekali kebolehpercayaan MKMSS-TKT adalah tinggi iaitu .845. Justeru, keputusan kajian menunjukkan bahawa MKMSS-TKT mempunyai nilai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa MKMSS-TKT boleh digunakan dalam lapangan sebenar pembangunan remaja dan boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, institusi sekolah dan sebagainya.





VALIDITY AND RELIABILITY OF THE POWER OF SUB CONSCIOUS MIND MODULE BY APPLICATION COGNITIVE BEHAVIOURAL THERAPY IN YOUTH DEVELOPMENT

ABSTRACT

This study aims to measure the validity and reliability of The Power of Sub Conscious Mind Module by Application of Cognitive Behavioural Therapy (MKMSS-TKT) in Youth Development. The study design used was a descriptive study which is looking content validity and the reliability of MKMSS-TKT in Youth Development. Eight panel of experts in Psychology, Counselling and Education has been chosen to answer two questionnaires that reflects the validity module by Russell and suitability questionnaire sessions and activities module by Mohammad Aziz Shah. Next to find the reliability of the module, a total of 30 respondents from one of the secondary school in Sentul District were chosen as subjects. The findings revealed that the percentage of the overall validity of the content module by Rusell is high, that is 81 percentage, while the validity conformity of sessions and activities by Mohammad Aziz Shah is 88 percentage. The value of reliability MKMSS-TKT is high at .845. Overall the results of this study showed that MKMSS-TKT has high content validity and reliability. Thus, this study proves that MKMSS-TKT module can be used in the actual development of adolescents and can be used by the Ministry of Education Malaysia, schools and so on.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

HALAMAN PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Pendekatan Teori	11
1.4.1	Teori Kuasa Minda Separa Sedar Murphy (1963)	11
1.4.2	Teori Terapi Kognitif Tingkah Laku (2011)	15
1.4.3	Teori Psikoanalisis Freud (1945)	18
1.4.4	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977)	19
1.4.5	Model Russell (1974)	20
1.5	Kerangka Konseptual	21



1.6	Tujuan Kajian	23
1.6.1	Tujuan Umum	23
1.6.2	Tujuan Khusus	23
1.7	Persoalan Kajian	24
1.8	Signifikan Kajian	25
1.9	Definisi Konsep dan Operasional	26
1.9.1	Definisi Konsep Kesahan	26
1.9.2	Definisi Operasional Kesahan	27
1.9.3	Definisi Konsep Kebolehpercayaan	28
1.9.4	Definisi Operasional Kebolehpercayaan	28
1.9.5	Definisi Konsep Modul	29
1.9.6	Definisi Operasional Modul	29
1.9.7	Definisi Konsep Kuasa Minda Separa Sedar	30
1.9.8	Definisi Operasional Kuasa Minda Separa Sedar	31
1.9.9	Definisi Konsep Terapi Kognitif Tingkah Laku	31
1.9.10	Definisi Operasional Terapi Kognitif Tingkah Laku	31
1.10	Limitasi Kajian	32
1.11	Rumusan	32

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Kajian Luar Negara	36
2.2.1	Kajian Kesahan dan Kebolehpercayaan	36

2.2.2	Kajian Kuasa Minda Separa Sedar	38
2.2.3	Terapi Kognitif Tingkah Laku	40
2.3	Kajian Dalam Negara	43
2.3.1	Kajian Kesahan dan Kebolehpercayaan	43
2.3.2	Kajian Kuasa Minda Separa Sedar	44
2.3.3	Terapi Kognitif Tingkah laku	46
2.4	Rumusan	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Lokasi Kajian	54
3.4	Responden Kajian	54
3.5	Pemilihan Panel Pakar Penilai	55
3.6	Pemilihan Responden Kebolehpercayaan	56
3.7	Alat Kajian	57
3.7.1	Soal Selidik Kesahan Kandungan berdasarkan Russell (1974)	57
3.7.2	Soal Selidik Kesesuaian Sesi dan Aktiviti berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010)	58
3.7.3	Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	58
3.8	Kaedah Pembinaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	59
3.9	Prosedur Menjalankan Kajian	61

3.10	Analisis Data	62
3.11	Rumusan	63

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Profil Subjek Kajian	65
4.3	Hasil Dapatan Nilai Kesahan Kandungan Modul Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku berdasarkan Russell (1974)	66
4.4	Hasil Dapatan Nilai Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Mengikut Mohammad Aziz Shah (2010)	68
4.5	Hasil Dapatan Kajian Secara Analisis Dokumen	73
4.6	Hasil Dapatan Nilai Kebolehpercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja	75
4.7	Rumusan	86

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	87
5.2	Ringkasan Kajian	87
5.3	Pembinaan Modul	89
5.3.1	Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	91
5.3.2	Sesi 1 : Pengenalan kepada Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	92
5.3.3	Sesi 2 : Mengenal Fungsi Corak Pemikiran	93

5.3.4	Sesi 3 : Fungsi Pemikiran dalam Sistem Kepercayaan yang mempengaruhi Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku ABC	93
5.3.5	Sesi 4 : Kaedah Mengaktifkan Minda Separa Sedar	93
5.3.6	Sesi 5 : Memprogram Minda dan Program Semula Minda melalui Teknik Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	94
5.3.7	Sesi 6 : Saranan Diri (<i>Affirmation</i>) untuk menggubah tingkah laku dan kepercayaan	94
5.3.8	Sesi 7 : <i>Self Talk</i> untuk membentuk Corak Pemikiran Baharu	94
5.3.9	Sesi 8 : Gambaran Mental untuk Mencapai Impian	95
5.3.10	Sesi 9 : Menetapkan Matlamat Hidup	95
5.4	Kajian Rintis	96
5.5	Kesahan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja	96
5.5.1	Kesahan Kandungan Modul Mengikut Russell (1974)	96
5.5.2	Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Mengikut Mohammad Aziz Shah (2010)	99
5.6	Perbincangan Kebolehppercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja	103
5.7	Implikasi Kajian	104
5.7.1	Implikasi Teoritikal	104
5.7.2	Implikasi Praktikal	105

5.7.3	Pelaksanaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja	106
5.8	Cadangan Kajian	107
5.9	Rumusan	109
	BIBLIOGRAFI	110

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Data Demografi Responden Kebolehpercayaan	54
4.1	Nilai Kesahan Kandungan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja Berdasarkan Penilaian Pakar Mengikut Rusell (1974) (n=22)	64
4.2	Nilai Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Tingkah Laku Kognitif Dalam Pembangunan Remaja Berdasarkan Penilaian Pakar mengikut Mohammad Aziz Shah (2010) (n=22)	67
4.3	Cadangan Penambahbaikan Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Kandungan Modul	72
4.4	Pekali Kebolehpercayaan Sesi dan Aktiviti Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja (n=50)	75

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	21
3.1	Proses Pembinaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasakan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku	58



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

ABC	<i>Activating event</i> <i>Beliefs</i> <i>Consequences</i>
KMSS	Kuasa Minda Separa Sedar
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
TKT	Terapi Kognitif Tingkah Laku



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja Mengikut Russell (1974)
- B Borang Soal Selidik Kesahan Kesesuaian Kandungan Sesi dan Aktiviti Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja oleh Mohammad Aziz Shah (2010)
- C Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja
- D Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai
- E Data Analisis Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja Mengikut Russell (1974) dan Soal Selidik Kesesuaian Sesi dan Aktiviti oleh Mohammad Aziz Shah (2010)
- F Data Analisis Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku dan Soal Selidik Kesesuaian Sesi dan Aktiviti
- G Kesahan Kandungan Modul oleh Ahli Panel



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara yang menjadi tulang belakang bagi kajian ini. Tumpuan yang berkesan dan menyeluruh diberikan kepada latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, batasan kajian, definisi pembolehubah yang merangkumi definisi konsep dan operasional. Kesemua komponen ini menghuraikan pengenalan yang terperinci terhadap kajian yang akan dilakukan ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Negara kita merupakan sebuah negara yang membangun dengan pesat. Seiring dengan wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh kerajaan pada suatu ketika dahulu, pelbagai pembangunan sama ada secara fizikal atau rohani sedang pesat dijalankan. Namun begitu, melalui pemerhatian dan pembacaan, dapat diperhatikan bahawa remaja pada zaman kini mempunyai masalah sama ada dari aspek dalaman ataupun luaran yang mengganggu pembangunan diri ke arah kecemerlangan secara holistik. Pelbagai masalah remaja kini dari aspek psikologi mahupun tingkah laku semakin meningkat saban hari yang dipaparkan oleh media massa adalah sangat membimbangkan semua pihak. Justeru, remaja kini perlu dibimbing untuk meningkatkan nilai-nilai positif seperti menjadi seorang yang penyayang, bertanggungjawab, proaktif, inovatif dan modal insan yang baik sejajar dengan hasrat negara untuk mencapai wawasan 2020.

Pembangunan remaja dari aspek kerohanian, mental yang positif, nilai-nilai hidup yang sihat dan tingkah laku yang proaktif harus dipupuk oleh semua pihak. Namun, pembangunan remaja dari aspek ini terbantut disebabkan oleh kekangan dalam hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, tekanan emosi, pengaruh media massa, perkembangan unsur-unsur pemodenan dunia dan kecelaruan dalam aspek psikologi. Hal ini yang menyebabkan kes-kes remaja kini yang berani dan hilang pertimbangan nilai-nilai kemanusiaan bertindak ikut nafsu diri dan akhirnya melahirkan bayi luar nikah dan membuang bayi tanpa berkeperimanasian.

Hal ini dapat dilihat melalui kebanyakan kes pembuangan bayi dalam masyarakat yang dapat dibuktikan melalui paparan media-media massa. Sebagai contoh, Berita Sinar Harian 21 Januari 2015, iaitu seorang pelajar berusia 17 tahun ditahan berhubung kes buang bayi di Kampung Gual Nering, Rantau Panjang, di Kota Bharu. Manakala Berita Harian 26 Oktober 2015, telah memaparkan kes seorang remaja 20 tahun telah membunuh seorang pelajar perempuan tingkatan lima di rumah dengan alasan cemburu dengan kawan lelaki mangsanya, di Flat Bandar Baru Teluk Kumbar, Balik Pulau, Pulau Pinang. Kes-kes sebegini telah mempersoalkan kesihatan mental, akal fikiran dan kerohanian pelajar-pelajar masa kini.

Menurut Laporan Kajian Kesihatan Kebangsaan dan Morbiliti Ketiga pada tahun 2006, antara punca gangguan mental adalah kemurungan. Ia dijangka menjadi punca utama penyakit mental menjelang tahun 2020. Kemurungan adalah sejenis penyakit mental yang boleh menyebabkan perlakuan yang ganas seperti pembunuhan berlaku. Hal ini dapat dilihat daripada kes-kes rogol dan membunuh diri juga semakin meningkat dalam kalangan remaja yang juga mempersoalkan nilai-nilai keagamaan dan kesihatan mental para remaja. Berita Sinar Harian 25 November 2015 tentang kes seorang pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membunuh diri kerana kecewa tidak dapat menjawab soalan Matematik Tambahan. Kes satu lagi, iaitu Berita utusan.com. 1 November 2014 mengenai kes seramai tujuh orang pelajar sebuah institut kemahiran di Temerloh, Pahang ditahan kerana disyaki merogol seorang gadis secara bergilir-gilir telah mengejutkan kita. Hal ini semua adalah disebabkan oleh kecelaruan mental para remaja. Kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan (2006) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia juga melaporkan bahawa hampir 6% rakyat Malaysia didapati menghadapi penyakit mental berbanding 10 tahun dahulu. Daripada

jumlah ini, sebanyak 20.3% kes penyakit mental terdiri dari kanak-kanak dan remaja yang berusia 16 tahun ke bawah berbanding 11.2% golongan dewasa.

Justeru, modul-modul yang dapat membantu remaja perlu dihasilkan untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang wujud dalam kalangan mereka. Perlu diingat bahawa sebelum berlakunya penerapan dan penggunaan modul, sesebuah modul perlu diuji dan disahkan terlebih dahulu (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et. al., 2014).

Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan adalah dengan melakukan program-program berbentuk pembangunan nilai-nilai positif pelajar yang boleh mengenali kelemahan dan kelebihan diri pelajar. Dalam merealisasikan sesuatu program, intipati utama yang menjadi landasan kepada keberkesanan sesuatu program adalah pengisian program, iaitu modul. Menurut Russell (1974), modul merupakan satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit mata pelajaran dan merupakan satu usaha untuk pengajaran secara individu serta membolehkan seseorang pelajar menguasai satu unit kandungan mata pelajaran sebelum bergerak ke unit yang lain. Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) dalam Jamaludin (2002), menjelaskan modul adalah bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain.

Russell (1974) juga menyatakan bahawa modul boleh digunakan untuk pengajaran yang tidak bersifat akademik seperti aktiviti peningkatan diri, kegemaran, pengembaraan dan berekreasi. Beliau juga menegaskan bahawa modul juga boleh dijalankan secara individu, secara berkelompok kecil (4 hingga 6 orang) atau secara

kelompok besar (30 orang). Stephen (1989) menegaskan salah satu faktor utama kenapa pendekatan modul digunakan ialah modul berkemampuan meningkatkan motivasi pelajar di samping dapat mencapai matlamat jangka pendek serta mendapat maklum balas segera daripada pelajar.

Dalam konteks kajian ini, didapati bahawa banyak modul berbentuk motivasi yang telah dihasilkan. Namun, sejauh mana modul yang dihasilkan itu mengukur apa yang sepatutnya diukur masih lagi menjadi persoalan. Oleh yang demikian, modul yang berkesan perlu dihasilkan yang mampu membangunkan nilai-nilai peribadi positif pelajar. Justeru, kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu modul adalah sangat penting bagi mempertahankan kejituan modul daripada terdedah kepada kekurangan dan ketidakbolehpercayaan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan modul, maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti (Ghazali, 2002).

Atas kesedaran inilah, penulis berhasrat menjalankan kajian membina sebuah modul yang bertujuan untuk mengubah dan memantapkan tingkah laku pelajar. Hal ini dilakukan dengan mengambil kira kuasa minda separa sedar berdasarkan terapi kognitif tingkah laku yang akan dijadikan teras bagi kajian ini. Modul ini akan diberikan nama “Modul Kuasa Minda Separu Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja” dan memfokuskan kepada pemantapan tingkah laku pelajar remaja dalam pembangunan dan perkembangan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Negara kita semakin maju dan pembangun pesat dalam semua aspek sama ada dari segi ekonomi, politik ataupun sosial, selaras dengan Wawasan 2020. Dalam kepesatan pembangunan fizikal itu, pembangunan positif diri remaja kita membantut. Mereka terlibat dengan masalah sosial yang agak kronik seperti pembuangan bayi, merogol, membunuh, membunuh diri, lari dari rumah dan sebagainya. Keadaan ini amat membimbangkan dan mempersoalkan pembangunan remaja ke arah mana? Bayangkan dalam kes pembuangan bayi, ada yang membungkus mayat bayi dengan plastik, mencekik bayi sebelum ditanam, dibuang ke dalam mangkuk tandas, bahkan ada yang sanggup menanam bayi hidup-hidup. Situasi sebegini mempersoalkan keberkesanan institusi keluarga dan institusi pendidikan kita. Mengikut ahli kriminologi, pengaruh rakan sebaya dan pergaulan bebas, suka sama suka, ingin mencuba seks, terlalu percayakan lelaki, terdedah aktiviti seksual secara berleluasa melalui jaringan internet, persekitaran tempat tinggal, ketegangan hubungan keluarga, kurangnya didikan agama, masalah kemurungan, tekanan emosi adalah antara sebab remaja terjebak dalam gejala sosial sebegini.

Pelajar yang mempunyai masalah moral yang terpesong daripada norma hidup masyarakat ini dipanggil sebagai *devian* dan *delinkuen*. Mereka ini mempunyai kecenderungan untuk melakukan kesalahan yang mencabar undang-undang dan norma masyarakat (Mohammad Aziz Shah, 2004). Pengkaji mendapati bahawa remaja yang dianggap delikuen ini merupakan remaja yang dilihat memiliki tingkah laku kognitif yang tidak begitu stabil.

Menurut Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010), kualiti hidup sosial merupakan isu yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negara. Dalam proses pembangunan dan permodenan sesebuah negara, beberapa isu sosial perlu diberi perhatian. Seiring dengan modenisasi dan pembangunan ekonomi yang secara langsung meningkatkan taraf kehidupan setempat, timbul beberapa permasalahan baharu seperti keruntuhan nilai kemanusiaan dan moral dalam kalangan ahli masyarakat terutamanya golongan remaja.

Menurut Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010), remaja yang memiliki masalah dan dilabel *delinkuen* ini dilihat mempunyai masalah yang berpunca input daripada media sosial. Pengulangan input ini memberikan impak kepada minda separa sedar dan tingkah laku kognitif mereka.

Pandangan Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010) ini turut dikongsi oleh Ryan, Williams dan Courtney (2013). Mereka ini mendapati bahawa dalam kajian mereka masalah remaja ini mempunyai kaitan dengan faktor luaran. Ryan, Williams dan Courtney (2013) secara spesifik merasakan bahawa penderaan dan pengabaian oleh ibu bapa menjadikan para remaja terlibat dengan jenayah juvana. Kajian oleh Ryan, Williams dan Courtney (2013) memberikan pandangan bahawa kebergantungan para remaja ini juga berkaitan dengan tingkah laku mereka. Kebergantungan ini merupakan sebuah tetapan minda yang boleh diubah melalui rawatan terapi tingkah laku kognitif dan minda separa sedar.

Toche-Manley, Dietzen, Nankin dan Beigel (2014) mendapati bahawa mereka yang berasal daripada latar belakang minoriti mempunyai kesihatan mental yang

lemah dan tidak mempunyai akses kepada penjagaan dan rawatan. Hal ini menjadikan mereka lebih cenderung untuk menjadi remaja bermasalah. Dalam hal ini, masalah ini disebabkan oleh kekangan rawatan dan sikap memilih bulu dalam memberikan bantuan berdasarkan bangsa. Dapatan oleh Toche-Manley, Dietzen, Nankin dan Beigel (2014) ini menunjukkan bahawa mereka yang bermasalah perlu diberikan rawatan yang secukupnya tanpa sebarang kekangan yang memisahkan mereka daripada mendapatkan rawatan.

Zainudin Abu Bakar dan Mohd Khamsuldin Abdul Wahab (2011) mendapati bahawa remaja yang mempunyai tingkah laku bermasalah berpunca daripada tekanan rakan sebaya. Hal ini akhirnya mempengaruhi konsep sendiri para remaja tersebut sekiranya remaja tersebut berterusan menerima pengaruh. Selain rakan sebaya, konsep sendiri juga dipengaruhi oleh keluarga, guru dan media massa. Namun, tekanan rakan sebaya itu boleh dirawat sekiranya remaja berkenaan diberikan peluang untuk menerima rawatan yang dapat membetulkan tingkah laku mereka yang negatif kepada tingkah laku yang lebih positif.

Gejala sosial merupakan kesan sampingan daripada pemodenan. Gejala ini juga dilihat berlaku sebagai satu tindak balas kejutan budaya yang melanda golongan remaja. Selain itu, remaja perlu bekerja keras untuk memastikan pembentukan identiti dan krisis yang berkaitan dapat diselesaikan dengan baik. Oleh sebab itu, modul-modul yang dapat membantu mereka perlu dihasilkan untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang telah dinyatakan.

Justeru, suatu tindakan yang berterusan perlu diambil untuk memberikan kesedaran kepada pelajar. Hal ini kerana apabila pelajar itu tidak mempunyai kesedaran untuk mengubah diri sendiri, mereka tidak akan dapat dibentuk atau dinasihatkan. Keadaan ini juga menjadikan mereka lebih selesa hidup dalam keselesaan, kegembiraan dan hiburan yang membuang masa (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et. al., 2014). Individu yang mempunyai kesedaran boleh diumpamakan seperti orang yang baharu tersedar daripada tidur yang panjang. Mereka akan mempunyai pemikiran, perasaan dan daya tindak yang baharu dan bermatlamatkan kecemerlangan dan positif dalam menjalani kehidupan sehari-harian kelak (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, 2009).

Maka, kajian yang ingin dijalankan ini, ingin cuba memberikan kesedaran kepada remaja kini bahawa mereka perlu melakukan perubahan kepada tingkah laku mereka untuk menambah baik kehidupan mereka dan orang sekeliling mereka.

Sehubungan dengan itu, bidang pendidikan juga perlu membantu pelajar untuk membentuk diri mereka menjadi individu yang berkeperibadian mulia dan bertanggungjawab selaras dengan aspirasi dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kemantapan dan keterampilan individu dapat dicungkil jika segala halangan dan konflik yang melibatkan emosi, sahsiah dan spritual dapat dibantu serta diselesaikan dengan kaedah bimbingan dan kaunseling yang terbaik dan sistematik.

Oleh yang demikian, modul yang dibina oleh pengkaji akan membantu pelajar dapat mengenali kekuatan diri dari dalaman yang akan menjadi teras pembangunan diri dari aspek pemikiran yang rasional, kepercayaan yang positif, program semula

minda supaya dapat mengubah rakaman negatif yang lama didalam minda separa sadar dan membentuk impian baharu melalui teknik-teknik saranan diri, *self talk* dan gambaran mental.

Perlu juga difahamkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah merupakan satu saluran yang terpenting dan terbaik bagi setiap individu meluahkan sebarang luahan hati, perasaan dan masalah yang terpendam dalam diri untuk mendapatkan pandangan, bimbingan serta bantuan yang berprofesional. Justeru, dengan bantuan modul sebegini boleh digunakan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, iaitu dalam sesi-sesi kaunseling individu, kelompok dan dalam program pembentukan insan yang dapat membolehkan individu tersebut benar-benar memahami dirinya dan mampu menyediakan diri berdepan dengan perubahan anjakan

paradigma dunia globalisasi yang semakin mencabar pada hari ini. Penggunaan modul sebegini dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang mantap akan terus melahirkan lebih ramai warga terdidik yang berkarisma, berketerampilan, dinamik dan pragmatik selaras dengan aspirasi negara.

Atas kesedaran ini juga, penulis berhasrat menjalankan kajian membina sebuah modul yang bertujuan untuk mengubah dan memantapkan tingkah laku pelajar. Ini dilakukan dengan mengambil kuasa minda separa sadar berdasarkan terapi kognitif tingkah laku yang akan dijadikan teras bagi kajian ini. Modul ini akan diberikan nama “Modul Kuasa Minda Separa Sadar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku” dan memfokuskan kepada pemantapan peribadi pelajar dalam pembangunan dan perkembangan mereka.

Perlu diingatkan bahawa sebelum berlakunya penerapan dan penggunaan modul, sesebuah modul perlu diuji dan disahkan terlebih dahulu (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et. al., 2014). Justeru, Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja ini yang akan diuji kebolehpercayaan dan kesahannya melalui instrumen dan metodologi yang sudah ditetapkan bagi mengisi kelompangan.

Bagi mengisi kelompangan kerana terdapat banyak modul sebagai intervensi membantu tingkah laku pelajar telah dibangunkan, tetapi " Modul Kuasa Minda Separa Sedar Berdasarkan Aplikasi Terapi Kognitif Tingkah Laku Dalam Pembangunan Remaja " adalah satu cubaan berdasarkan pengubahsuaian dalam corak pemikiran dan sistem kepercayaan dalam kuasa minda separa sedar berdasarkan terapi

1.4 Pendekatan Teori

1.4.1 Model Kuasa Minda Separa Sedar Murphy (1963)

Melalui kajian ini, model kuasa minda separa sedar Murphy telah dijadikan sebagai sebuah panduan penting dalam pembinaan modul yang bertujuan untuk membina kekuatan dan membentuk keperibadian yang baik dalam kalangan remaja, terutamanya pelajar sekolah menengah.